

Bayaran tepat waktu 10/12 bulan	1.42%	17%
Bayaran tepat waktu kurang daripada 10/12 bulan	1.50%	18%
Pendahuluan tunai	1.50%	18%

Nota: Caj kewangan dikenakan ke atas tunggakan transaksi runcit dan pendahuluan tunai/transaksi pengeluaran yang belum dibayar selepas tarikh akhir pembayaran. Untuk transaksi runcit, caj kewangan dikira dari tarikh transaksi dipos sehingga bayaran penuh dibuat. Untuk transaksi pendahuluan tunai/pengeluaran, caj kewangan dikira dari tarikh transaksi sehingga bayaran penuh dibuat.

5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- (a) Caj pembayaran lewat: Caj sebanyak 1% daripada baki tertunggak akan dikenakan, tertakluk kepada caj minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00.
- (b) Hak untuk memindah baki: Kami berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan oleh kami atau syarikat berkaitan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun kad kredit ini.
- (c) Akan bertanggungjawab terhadap transaksi tanpa kebenaran yang menggunakan PIN jika anda:
- melakukan penipuan;
 - lewat dalam memaklumkan kepada kami dengan secepat mungkin sebaik sahaja menyedari bahawa kad anda telah hilang atau penggunaan tanpa kebenaran kad kredit anda telah dilaksanakan;
 - mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; dan
 - merekodkan PIN pada kad kredit, atau pada apa-apa benda yang disimpan berdekatan kad kredit anda.
- (d) Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan tandatangan atau kad tanpa sentuh, jika anda:
- melakukan penipuan;
 - lewat dalam memaklumkan kepada kami dengan secepat mungkin sebaik sahaja menyedari bahawa kad anda telah hilang atau penggunaan tanpa kebenaran kad kredit anda telah dilaksanakan;
 - meninggalkan kad kredit anda atau item yang mengandungi kad itu tanpa pengawasan, di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain;
 - membenarkan orang lain menggunakan kad kredit anda secara sukarela.
- (e) Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat penggunaan kad kredit Paydee Visa Korporat, kami berhak membatalkan kad dan akaun anda.
- (f) Kami berhak melantik ejen luar untuk membantu kami mendapatkan semula dan/atau mengutip jumlah keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah hutang yang perlu dibayar oleh anda atau pekerja anda.
- (g) Jika majikan gagal membuat pembayaran bagi semua baki tertunggak atau hutang yang perlu dibayar kepada kami, pemegang kad akan bertanggungjawab terhadap jumlah tersebut.

6. Apakah yang akan terjadi sekiranya saya menjelaskan baki secara sepenuhnya sebelum tempoh matang?

- Tempoh terkunci: Tidak berkenaan
- Penalti penyelesaian awal: Tidak berkenaan

7. Apakah risiko-risiko utama?

- (a) Jika hanya bayaran minimum bulanan dilakukan, jumlah faedah akan meningkat dan akan mengambil masa yang lebih lama untuk menyelesaikan jumlah penuh. Anda boleh merujuk kepada kalkulator pembayaran di laman web kami untuk pengiraan bayaran balik baki tertunggak.
- (b) Sekiranya anda atau pemegang kad mempunyai kesukaran untuk melakukan pembayaran baki, sila maklumkan kepada kami dengan serta-merta untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- (c) Anda perlu melindungi kad kredit dan PIN anda serta tidak mendedahkan maklumat kad atau PIN kepada sesiapa.
- (d) Anda perlu memaklumkan kepada kami dengan serta-merta sebaik sahaja mendapati kad anda hilang, dicuri, disalahguna atau transaksi tanpa kebenaran dilakukan.
- (e) Sila laporkan kepada kami sebarang percanggahan dalam penyata dalam tempoh 60 hari kalendar dari tarikh penyata. Jika gagal berbuat demikian, penyata tersebut akan dianggap sebagai betul, dikemas kini dan tepat.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan semua bentuk komunikasi sampai kepada anda dengan cepat. Untuk mengemas kini butiran perhubungan anda, sila hubungi kami melalui salah satu saluran berikut:

- (a) Telefon: +603 5870 1199
(b) Emel: cards@paydee.co

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

- (a) Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Paydee Visa, sila rujuk laman web kami di www.paydee.co. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami melalui saluran di Perenggan 8 di atas.
- (b) Jika anda mempunyai pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi:
- Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK
Alamat: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Telefon: 1 300 88 5465
Faks: +603 2174 1515
Emel: bnmtelink@bnm.gov.my

10. Produk lain yang boleh didapati: Tidak berkenaan.

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMATUHI PEMBAYARAN BALIK BAKI KAD KREDIT ANDA.

Maklumat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini sah dari 10.09.2025 sehingga tempoh semakan seterusnya.